

Pemimpin tidak patuh etika wajar tarik diri

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BH 28 FEB 2000

ALOR STAR, Ahad— Pemimpin Umno yang tidak bersedia mematuhi etika yang ditetapkan Majlis Tertinggi (MT) dinasihati membatalkan hasrat untuk bertanding pada pemilihan parti Meini.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Syed Hamid Albar berkata, mereka yang mempunyai agenda kepentingan diri juga tidak perlu menawarkan diri untuk merebut jawatan.

Menurutnya, bilangan yang ramai untuk bertanding tidak akan menimbulkan masalah perpecahan jika mereka berhasrat memegang jawatan semata-mata untuk berkhidmat dan bukan untuk kepentingan peribadi.

“Ramai (bilangan) yang bertanding tidak ada masalah jika buat amalan yang baik dan patuh etika. Pertandingan ada kebaikan jika semua mainkan peranan.

“Tetapi kalau rosakkan parti, jangan bertanding. Jangan ada kepentingan peribadi, tetapi untuk kepentingan parti,” katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, di Wisma Darulaman, di sini hari ini.

Terdahulu, Syed Hamid yang juga Menteri Luar menghadapi Sultan Kedah, di Istana Anak Bukit.

Syed Hamid ditanya pandangan setengah pihak bilangan yang terlalu ramai menawarkan diri atau berhasrat untuk bertanding boleh memecahkan perpaduan parti.

Sctakat semalam, tujuh calon menawarkan diri merebut satu jawatan Timbalan Pengerusi Tctap, tujuh untuk tiga jawatan Naib Presiden dan 53 untuk 25 jawatan MT. Selain itu, 57 yang lain berhasrat merebut 20 jawatan Exco Pemuda.

Mengenai hasratnya bertanding jawatan Naib Presiden, Syed Hamid berka-

ta, beliau menawarkan diri untuk berkhidmat kepada parti dan menyerahkannya kepada ahli untuk membuat keputusan.

Timbalan Pengemsi Ketua Perhubungan Umno Johor juga yakin tidak ada bahagian dari negeri itu yang akan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan presiden dan timbalan presiden parti.

Sebaliknya, kepimpinan Umno negeri itu yakin, semua bahagian akan hanya mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan nombor satu dan nombor dua parti.

Menurut Syed Hamid, keyakinan itu berdasarkan amalan kemuafakatan Umno Johor dalam membuat keputusan penting.

“Kekuatan Umno Johor ialah kesepakatan dalam membuat keputusan, khususnya berhubung prinsip. Bagaimanapun, ia tidak bermakna kita mengeluarkan arahan, sebaliknya membiarkan bahagian membuat keputusan,” katanya.

Syed Hamid juga yakin bahagian Kota Tinggi yang diketuainya akan mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya tidak ada pertandingan untuk jawatan presiden dan timbalan presiden bagi mengelakkan perpecahan.

Ditanya bagaimana beliau yakin Umno Kota Tinggi tidak mencalonkan Tengku Razaleigh, beliau berkata: “Saya mengenali bahagian (ahli) saya,” sambil menambah ia tidak bermakna beliau mengancam mereka.

Syed Hamid juga mengulangi bahawa keputusan MT menasihati supaya tidak ada pertandingan bukan menyekat kebebasan ahli untuk menentukan pemimpin, sebaliknya bagi menjamin masa depan parti.